

ISU-ISU REMAJA SUKA MELEPAK (Part 2)

Azizi Hj Yahaya

Sambungan...

Masalah remaja melepak bukan sekadar berlaku di kawasan bandar, bahkan turut berlaku di kawasan-kawasan pinggir kota. Apa yang dapat kita perhatikan bahawa kegiatan ini bukan sahaja dilakukan oleh remaja lelaki tetapi remaja perempuan turut terlibat sama.

Kesedaran segelintir pihak, termasuk pemimpin-pemimpin negara dan masyarakat melabelkan isu kegiatan melepak ini setaraf dengan isu penyalahgunaan dadah, pembuangan anak dan kumpulan samseng. Bahkan masalah sosial ini turut dipandang sebagai penyakit parah di dalam masyarakat. Hal ini kerana aktiviti yang tidak sihat ini akan menyumbang masalah kepada masa hadapan negara kerana golongan remaja merupakan populasi terbesar penduduk negara. Keruntuhan akhlak sosial remaja yang gemar membuang masa tanpa hala tujuan dan arah pegangan hidup memberikan suatu gambaran yang cukup jelas dimana golongan remaja kini sudah tidak menyedari bahawa mereka merupakan pelapis pimpinan negara pada masa hadapan yang perlu menyambung aspirasi dan wawasan negara. Maka, beranikah kita mepertaruhkan masa hadapan negara yang kita cintai ini kepada golongan yang cacat akhlak moralnya?

Laporan daripada pihak Jabatan Pendidikan mengemparkan masyarakat tempatan dengan kenyataan bahawa ramai pelajar sekolah menengah mahupun sekolah rendah telah dilaporkan terlibat dalam gejala ponteng sekolah dan melepak di kompleks membeli-belah dalam waktu persekolahan. Hal ini menimbulkan pelbagai tanda tanya dimanakah peranan guru di sekolah? Mengapa tidak diendahkan peraturan disiplin oleh pihak sekolah? Malah, dimanakah peranan ibu bapa yang merupakan penjaga tetap kepada golongan ini? Semuanya bergantung kepada sejauh mana kita meletakkan tahap keseriusan masalah ini. Tidak perlu lagi kita menunding jari dengan menyalahkan mana-mana pihak. Sewajarnya semua pihak perlu matang dalam menghadapi cabaran memulihkan semula masalah sosial yang melanda golongan remaja serta bersedia untuk berganding bahu dalam menangani masalah ini.

CONTINUE...